

SOALAN NO: 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD.  
RAHMAN [ TANJONG MANIS ]  
TARIKH : 25 JULAI 2017  
SOALAN : 21**

**YB Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian dalam mengalakkan lebih banyak syarikat korporat dan swasta untuk tampil membantu Kementerian terutama melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka bagi membantu pesakit-pesakit kronik khususnya yang datang dari luar bandar ke Hospital Besar.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengalu-alukan penglibatan syarikat korporat dan swasta melalui sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam membantu mengurangkan kos pembiayaan perubatan yang perlu ditanggung oleh pesakit dan waris. Sumbangan adalah dalam bentuk peralatan, ubat ataupun wang di

mana perolehan peralatan dan ubat akan dibuat di peringkat KKM dan hospital.

Antara inisiatif KKM yang dilaksanakan adalah pengumpulan dana dengan penganjuran Jamuan Makan Malam Amal dengan kerjasama *Malaysia Lysosomal Disease Association* (MLDS) di mana sebanyak RM800,000.00 telah berjaya dikumpul hasil sumbangan orang perseorangan dan syarikat pada 2014.

Selain itu syarikat korporat dan swasta juga menyumbang atas inisiatif mereka sendiri, antaranya adalah:

Tahun	Penderma	Peralatan	Kos (RM)
2013	Standard Chartered Foundation	4,431 unit <i>Intraocular lens</i>	1.5 juta untuk tempoh 3 tahun
2014	MAIWP (melalui Pusat Pungutan Zakat)	<i>Intraocular lens</i>	200,000.00
2016	PETRONITA	<i>Intraocular lens</i>	60,000.00
2016	MAIWP (melalui Pusat Pungutan Zakat)	<i>Intraocular lens</i>	50,000.00
2016	Leong Hup (M) Sdn Berhad	8 unit <i>cochlear implant</i>	560,000.00
2017	SPANCO Sdn. Bhd.	15 unit mesin hemodialisis	500,000.00
2017	MAIWP (melalui Pusat Pungutan Zakat)	<i>Intraocular lens</i>	50,000.00
2017	Yayasan Sultanah Bahiyah	Bas & peralatan perubatan untuk Klinik Katarak 1Malaysia Zon Utara	545,139.00

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW**

**TARIKH : 25.7.2017**

**SOALAN : NO. 22**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perkembangan penyelidikan di universiti-universiti dan peruntukan yang dipotong.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk tujuan program penyelidikan bagi tahun 2017 tidak dipotong malahan terdapat pertambahan peruntukan sebanyak RM30 juta berbanding tahun 2016. Aktiviti penyelidikan dan pembangunan di universiti awam (UA) terutamanya universiti penyelidikan tidak terjejas dan akan diteruskan mengikut perancangan bagi memastikan kedudukan universiti tempatan terus diperkukuhkan di peringkat global.

KPT sentiasa memberikan keutamaan terhadap agenda pembangunan kapasiti Malaysia menerusi penyelidikan berfokus yang dijalankan oleh pihak universiti. Sebagai tambahan, tahun 2017 merupakan tahun *Translational Research* di mana penyelidikan-penyelidikan yang dilaksanakan bertepatan dengan agenda nasional dan memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat, ekonomi, akademik dan industri.

Sepanjang tempoh dari tahun 2012 hingga 2016, UA telah menghasilkan 5,562 harta intelek baharu dan berjaya mendaftarkan 675 paten. Hasil penyelidikan turut mendapat pelbagai pengiktirafan antaranya di persidangan Seoul International Invention Fair, British Invention Show, Pittsburgh Remodelling Expo, Invention and New Product Exposition dan Germany International Trade Fair Ideas.

Selain itu, KPT telah mengambil langkah proaktif dan inovatif melalui penyusunan semula pelaksanaan penyelidikan mengikut keutamaan dan bidang-bidang strategik. Penstrukturan semula dilaksanakan melalui jaringan kerjasama dengan pelbagai sektor dan institusi pendidikan tinggi dalam dan luar negara.

Soalan No: 23

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]**

**TARIKH : 25.7.2017**

**SOALAN :**

**Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-**

- (a) apakah garis panduan keselamatan bagi program-program yang melibatkan sekolah khususnya aktiviti yang dibuat di luar kawasan sekolah; dan
- (b) adakah Kerajaan masih lagi membenarkan aktiviti sekolah diadakan di luar kawasan sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan terus membenarkan murid-murid menjalankan aktiviti di luar sekolah jika pihak sekolah akur dengan arahan-arahan dan garis panduan yang ditetapkan. KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Iktisas KPM Bil. 5 Tahun 2016 - Panduan Keselamatan Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan Serta Kegiatan Kokurikulum Dan Sukan Di Dalam Dan Luar Kawasan Sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti murid di luar kawasan sekolah dilaksanakan dengan kebenaran pentadbir sekolah mengikut prosedur yang telah ditetapkan serta mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) yang telah dikeluarkan iaitu:

1. SPI Bil. 12 Tahun 2000: Lawatan Pendidikan Murid Di Hari Persekolahan;
2. SPI Bil. 5 Tahun 2002: Lawatan Sekolah Pada hari Persekolahan; dan
3. SPI Bil. 5 Tahun 2007: Garis Panduan Lawatan Murid

Selain daripada itu, KPM juga mengeluarkan buku Konsep dan Manual Sekolah Selamat kepada semua sekolah KPM. Di dalam buku tersebut dinyatakan tatacara murid, guru dan ibu-bapa/penjaga sebagai garis panduan yang harus dipatuhi ketika menjalankan aktiviti di luar kawasan sekolah.

RJM17